



**SOALAN LAZIM BAGI PELAKSANAAN KULIAH DAN KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS/FAKULTI BAGI SEMESTER OKTOBER 2021 - FEBRUARI 2022**

- 1) Sekiranya semester pelajar tidak melibatkan FYP, adakah sesi PdP dilaksanakan secara ODL atau tidak?**

Sesi PdP untuk semua pelajar Sarjana Muda yang tidak terlibat dengan FYP 2 dan pelajar Sarjana (Mod Kerja-Kursus dan Mod Campuran) adalah secara dalam talian (ODL). Namun pelajar kumpulan B40 dan pelajar yang tidak mempunyai akses internet serta persekitaran yang tidak kondusif boleh memilih untuk menjalani Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian di kolej.

- 2) Bagaimanakah jadual kemasukan pelajar ke makmal bagi FYP 2 akan ditentukan?**

Jadual kemasukan pelajar ke makmal bagi FYP 2 akan dimaklumkan dalam masa terdekat oleh Penolong Pegawai Sains.

- 3) Adakah pelajar yang pulang ke kampus dibenarkan untuk ke fakulti dan berjumpa dengan pensyarah?**

Pelajar dibenarkan untuk ke fakulti terutamanya pelajar Latihan Industri (LI) dan pelajar tahun akhir (FYP) dengan mematuhi peraturan SOP.

- 4) Berapakah kapasiti pelajar yang dibenarkan menduduki kolej?**

Hanya 873 orang pelajar sahaja yang akan dibenarkan menduduki kolej.

- 5) Bilakah senarai nama pelajar yang bakal masuk ke kampus akan dikeluarkan oleh pihak fakulti?**

Dalam masa terdekat.

- 6) Adakah Google Form permohonan kolej akan dibuka semula?**

Ya, Google Form akan dibuka semula terutamanya untuk pelajar penerapan.

- 7) Bagi pelajar yang menetap di rumah sewa dan mempunyai kenderaan sendiri, adakah pelajar dibenarkan untuk keluar dan masuk ke kampus atau perlu menggunakan perkhidmatan bas?**

Pelajar yang membawa kenderaan dibenarkan untuk keluar dan masuk ke kampus. Pelajar perlu mematuhi SOP, telah lengkap tempoh matang vaksinasi dan dikehendaki mengisi borang saring C19.

- 8) Adakah yang pelajar perlu lakukan setelah senarai nama pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus dikeluarkan?**

Pelajar perlu memastikan nama pelajar adalah tersenarai dan membuat permohonan kolej di laman web UiTM Student Portal. Pelajar juga perlu mencetak surat kebenaran pulang ke kampus melalui laman web <https://saringc19.uitm.edu.my> untuk urusan permit polis bagi tujuan merentas negeri.

- 9) Bagi pelajar yang ingin tinggal di kolej, mereka perlu memohon kolej di student portal selepas senarai nama dikeluarkan. Jadi apakah yang perlu dilakukan oleh pelajar non-residen (NR) sekiranya nama pelajar tersenarai?**

Pelajar NR perlu mengisi borang saring C19 dan mencetak surat kebenaran pulang ke kampus melalui laman web <https://saringc19.uitm.edu.my>.

- 10) Adakah pelajar perlu memohon surat rentas negeri sekiranya dari luar kawasan (negeri selain Selangor)?**

Pelajar yang berada di luar kawasan perlu mencetak surat kebenaran masuk ke kampus dari laman web <https://saringc19.uitm.edu.my> dan kemukakan surat tersebut di mana-mana balai polis berdekatan bagi tujuan permit rentas negeri (sekiranya masih berkuatkuasa).

- 11) Adakah semua pelajar FYP 2 yang terlibat dengan makmal akan diberikan keutamaan untuk kolej?**

Ya, pelajar FYP 2 yang menjalani Mod 1 diberikan kemudahan kolej tetapi pelajar perlu memohon terlebih dahulu.

- 12) Adakah pelajar ijazah sarjana (Master) mod penyelidikan dibenarkan memohon kolej?**

Pelajar perlu membuat permohonan melalui Google Form dan memaklumkan kepada penyelia masing-masing.

**13) Adakah pelajar yang memilih untuk tidak pulang ke kolej perlu membayar yuran kolej?**

Tidak perlu. Hanya pelajar yang menduduki kolej sahaja perlu membayar yuran kolej mengikut kadar yang ditetapkan.

**14) Sekiranya pelajar tidak pulang ke kolej pada tarikh ditetapkan iaitu 15 Oktober 2021, adakah pelajar dibenarkan untuk pulang pada tarikh lain?**

Pelajar perlu menghubungi dan memaklumkan kepada pejabat kolej sekiranya terdapat sebarang masalah.

**15) Bagaimanakah dengan pelajar yang memulakan Latihan Industri (LI) di kampus pada 11 Oktober 2021 sekiranya ingin menduduki kolej?**

Kemasukan pelajar ke kampus hanya akan bermula pada 15 Oktober 2021. Pelajar dikehendaki untuk berbincang dengan penyelia masing - masing berkaitan hal ini.

**16) Sekiranya pelajar dari Sabah dan Sarawak tiba lewat ke kolej, adakah pelajar masih dibenarkan masuk ke kolej?**

Pelajar masih dibenarkan masuk tetapi perlu memaklumkan kepada pejabat kolej terlebih dahulu.

**17) Sekiranya pelajar di kolej mempunyai temu janji di hospital atau telah mendaftar MUET di negeri lain, adakah perlu surat pengesahan kebenaran keluar dari pihak kolej?**

Ya, pelajar yang mempunyai urusan penting di luar kampus boleh memaklumkan dan perlu mendapatkan kebenaran dari pihak kolej.

**18) Adakah pelajar dibenarkan untuk menetap di kolej bagi satu tempoh masa yang singkat sahaja?**

Ya dibenarkan dan pelajar perlu memaklumkan kepada pihak kolej.

**19) Sekiranya pelajar ingin pulang ke kampus pada pertengahan semester, adakah permohonan kolej masih dibuka?**

Pelajar dibenarkan pulang ke kolej sekiranya terdapat kekosongan dengan memohon melalui laman web UiTM Student Portal dan memaklumkan kepada pejabat kolej.

**20) Adakah pelajar yang berada di kampus dibenarkan untuk membuat pengeposan barang? Adakah Unistorage masih beroperasi seperti biasa?**

Pengoperasian dan perkhidmatan dari Unistorage akan dimaklumkan kemudian.

**21) Adakah pelajar dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam dari luar negeri untuk pulang ke kolej?**

Pelajar tidak dibenarkan untuk pulang ke kolej menggunakan pengangkutan awam. Terdapat 3 cara untuk pelajar pulang ke kampus iaitu bersama ibu bapa, menggunakan pengangkutan sendiri atau pengangkutan udara.

**22) Adakah pelajar dibenarkan untuk membawa kenderaan ke kolej sekiranya keluarga tidak dapat menghantar untuk pulang ke kampus?**

Pelajar dibenarkan untuk membawa kenderaan masing-masing ke kolej tetapi pelajar perlu mematuhi jadual keluar masuk yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.

**23) Adakah pelajar yang membawa kenderaan sendiri perlu mendaftar terlebih dahulu kenderaan tersebut sebelum membawa kenderaan tersebut ke kolej?**

Pelajar dibenarkan membawa kenderaan sendiri terlebih dahulu dan mendaftar kemudian di Pejabat Kolej atau Polis Bantuan.

**24) Bagi pelajar yang membawa kenderaan, adakah dibenarkan untuk keluar masuk kampus untuk mengisi petrol?**

Ya, pelajar adalah dibenarkan dan perlu mematuhi jadual yang ditetapkan.

**25) Adakah pelajar perlu menjalani tempoh kuarantin semasa pulang ke kampus?**

Hanya pelajar yang bergejala sahaja perlu menjalani tempoh kuarantin di kolej yang ditetapkan.

**26) Adakah pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus perlu melakukan ujian swab test?**

Tidak perlu. Ujian swab test hanya akan dijalankan bagi mereka yang bergejala.

**27) Untuk pelajar yang pulang ke kampus, adakah pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan di dalam kampus?**

Pemeriksaan kesihatan masih ditangguhkan.

**28) Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih jenis bilik di kolej?**

Tidak, pemilihan jenis bilik akan ditetapkan oleh pihak kolej.

**29) Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih rakan sebilik?**

Tidak, rakan sebilik akan ditetapkan oleh pihak kolej.

**30) Adakah pelajar dibenarkan untuk pulang ke rumah pada hujung minggu?**

Tidak dibenarkan. Pelajar hanya dibenarkan pulang ke rumah sekiranya terdapat hal kecemasan seperti kematian.

**31) Adakah ahli keluarga dibenarkan untuk datang melawat pelajar yang tinggal di kolej pada hujung minggu?**

Tidak dibenarkan.

**32) Adakah pelajar dibenarkan pulang ke rumah semasa cuti pertengahan semester atau cuti umum?**

Bergantung kepada situasi semasa.

**33) Sekiranya pelajar telah pulang ke kampus, adakah pelajar dibenarkan untuk memesan makanan melalui aplikasi dalam talian?**

Ya, pelajar dibenarkan untuk memesan makanan dari luar kampus melalui aplikasi dalam talian.

**34) Adakah fasiliti yang terdapat di UiTM seperti kafeteria, Pusat Sukan atau perpustakaan akan beroperasi?**

Semua fasiliti dan kemudahan di UiTM akan beroperasi seperti biasa mengikut SOP yang ditetapkan.